

13 NOV 1996

Khalid - sejarah

MATA PELAJARAN SEJARAH DIBERI NAFAS BARU DALAM PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan bercadang menggabungkan mata pelajaran Sejarah dengan subjek lain yang berkaitan bagi memperkukuhkan kedudukannya dalam bidang pendidikan, kata Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Khalid Yunus, hari ini.

Beliau berkata langkah itu menunjukkan kementerian tetap memberi perhatian berat terhadap ilmu pengetahuan sejarah walaupun pemimpin-pemimpin negara sering bercakap mengenai kepentingan ilmu sains dan matematik serta teknologi.

"Kita sedar penekanan diberikan untuk subjek Sains dan Matematik serta teknologi tetapi pada masa yang sama kita tidak lupa memastikan peranan sejarah dalam membentuk watak serta peribadi Malaysia," katanya selepas merasmikan Seminar Pendidikan Sejarah Kebangsaan di Universiti Malaya, di sini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sering kali memulakan ucapan-ucapannya dengan menyorot sejarah-sejarah tertentu bagi mendidik rakyat.

Bagaimanapun, beliau berkata kementerian harus menjalankan kajian mendalam terhadap cadangan itu sebelum ia dilaksanakan.

"Ini kerajaan kerana sebarang reformasi yang dibuat terhadap pendidikan akan mencorakkan masyarakat negara ini pada masa hadapan," tambahnya.

Seminar dua hari itu anjuran Jabatan Pendidikan Sains Sosial Universiti Malaya. Ia bertujuan mencari kaedah-kaedah menarik bagi mengajar mata pelajaran sejarah dan meletakkannya sebagai asas pembinaan peribadi masyarakat.

Sebanyak 15 ahli sejarah akan membentangkan kertas kerja masing-masing pada seminar itu. Mereka termasuk Profesor Dr Khoo Kay Him, Prof Datuk Dr Muhammad Yusof Hashim dan Prof Madya Dr Adnan Nawang.--BERNAMA

SLR NAK